

**Mukhriz kecewa Bersih 3.0 pelaburan
Utusan Online
30 April, 2012
Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI**

KANGAR 29 April - Perhimpunan haram Bersih 3.0 menjejaskan misi pelaburan Malaysia di luar negara kerana ia memberi gambaran mengenai keadaan negara yang tidak stabil berikutan kekecohan dilakukan peserta perhimpunan tersebut semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, laporan media luar negara mengenai kekecohan perhimpunan Bersih 3.0 menyebabkan pelabur asing mempunyai tanggapan tidak baik terhadap peluang pelaburan di negara ini.

"Saya sangat kecewa, misi pelaburan saya bersama usahawan Malaysia di Jepun agak terjejas di sebalik kekecohan yang diadakan di ibu negara semalam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Pameran Kejuruteraan Reka Cipta dan Inovasi Antarabangsa (i-Envex) 2012 anjuran Universiti Malaysia Perlis (Unimap) di Dewan 2020, di sini hari ini.

Menurut Mukhriz, misi pelaburan yang cuba dicapai beliau bukanlah sedikit sebaliknya mencecah sehingga RM150 juta.

Namun katanya, perhimpunan haram Bersih 3.0 telah memberi gambaran buruk dan imej tidak baik mengenai Malaysia dan boleh menghalang pelabur menanam modal di negara ini.

"Sedangkan, misi pelaburan di Jepun itu turut dianggotai oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim dan Exco-exconya.

"Jadi bagaimana mereka hendak jelaskan mengenai perkara ini kerana ia juga melibatkan pelaburan di negeri-negeri pembangkang termasuk Selangor dan Pulau Pinang," kata beliau.

Bagaimanapun, Mukhriz berharap, syarikat-syarikat Jepun yang telah lama melabur di negara ini dapat membantu mempromosikan peluang pelaburan di Malaysia bagi membersihkan imej yang tercalar.

Sementara itu, Naib Canselor Unimap, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, pihaknya akan bersemuka dengan pelajar Unimap yang terlibat pada perhimpunan haram Bersih 3.0 sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Setakat ini, kita diberitahu bahawa terdapat dua atau tiga pelajar Unimap terlibat dan pihak kami sedang meneliti perkara tersebut sama ada benar atau sebaliknya," kata beliau.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0430&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_17.htm